



Syajarah Toyyibah

Silsilah Naqsyabandiyah Mujaddidiyah

Mahbubul Ulama was Sulaha

***Hazrat Maulana Pir Zulfiqar Ahmad Naqsyabandi
Mujaddidi***

Penyusun: Ustaz Abu Uqasyah Naqsyabandi Mujaddidi

(Uploaded to www.suluk.com with permission from Ustaz Abu Uqasyah Naqsyabandi Mujaddidi)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَ نَسْتَعِينُهُ وَ نَسْتَغْفِرُهُ وَ نُؤْمِنُ بِهِ وَ نَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَ نَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَ مِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَ مَنْ يُضَلِّلُ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ نَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَ نَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَ رَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ،

Setiap insan di dunia ini mahu menjalani kehidupan yang tenang. Dengan sebab inilah mereka berusaha siang dan malam malah beranggapan bahawa inilah ukuran kejayaan ataupun kegagalan yang sebenar. Kemajuan teknologi yang terkini telah memudahkan insan untuk mendapatkan ketenangan jasmani. Namun, dalam masa yang sama, manusia terlepas daripada ketenangan qalbi (hati) dan juga rohani.

Untuk mendapatkan nikmat yang besar ini iaitu ketenangan hati, maka zikrullah adalah satu perkara yang lazim. Firman Allah Taala:-

(أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُ الْقُلُوبُ)

Ar-Ra'd : 28

Ertinya: Ketahuilah dengan mengingati Allah, hati akan menjadi tenang.

Betapa tenang kurniaan ini, dengan menyebut namamu,

Diri akan menjadi aman, walaupun tidur di atas duri-duri.

Lafaz zikir mengandungi pengertian yang luas. Ia membawa maksud mengingati Ilahi. Kadang-kadang memberi maksud kalam Ilahi. Di dalam kitab kecil ini, yang dimaksudkan dengan zikir adalah mengingati Ilahi, kepentingannya dijelaskan di dalam Al-Quran dan Ahadith Nabawi. Sebagai contoh, disebutkan beberapa fadhilat dan kepentingannya:-

Yang pertama, “Barangsiaapa mengingati Allah Taala dengan menguzurkan diri terhadap dosa-dosa, maka Allah Taala akan mengingatinya secara maghfirah (keampunan). Firman Allah Taala:-

(فَإِذْكُرُونِيْ أَذْكُرْكُمْ.....)

Al-Baqarah : 152

Ertinya: Ingatlah kamu semua akan Daku, nescaya Daku akan mengingatimu.

Sesiapa yang mengingati Allah Taala secara berterusan, maka Allah Taala akan memberinya taufiq untuk melaksanakan amalan-amalan (ibadah) yang baru.

Yang kedua, maksud asal solat (sembahyang) juga adalah mengingati llahi. Firman Allah Taala:-

(أَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي.....)

Toha : 14

Ertinya: Dirikanlah solat untuk mengingati-Ku.

Solat yang tidak terdapat tawajjuh llallah padanya bukanlah solat yang sebenar. Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:-

(لَا صَلَاةَ إِلَّا بِحُضُورِ قَلْبٍ)

Ertinya: Tidaklah sempurna solat itu kecuali dengan kehadiran hati. Oleh itu, sebagaimana menghadiri solat (حَضِيرَيْ) adalah penting, begitu juga kehadiran hati dalam solat (حُضُورِيْ) juga penting.

Yang ketiga, zikir akan memberi faedah dalam menjalankan da'wah llallah dari permulaan (الإِبْتَادُءُ) hingga akhir (الإِنْتَهَاءُ). Allah Taala telah mengurniakan kepada Nabi Musa Alaihi salam dan Nabi Harun Alaihi salam kenabian lalu mengutus mereka berdua untuk berda'wah. Lalu, Allah Taala memberi sedikit nasihat - antaranya ialah- janganlah lalai daripada mengingati Allah Taala. Allah Taala telah berfirman:-

(إِذْهَبْ أَنْتَ وَ أَخْوْكَ بِأَيَّاتِيْ وَ لَا تَنِيَا فِيْ ذِكْرِيْ)

Toha : 42

Ertinya: Pergilah kamu bersama-sama saudaramu dengan membawa ayat-ayatKu tetapi janganlah kamu berdua lalai dari mengingatiku.

Pada kemuncak da'wah akan sampai peluang untuk (قَتَالْ) (berperang). Allah Taala telah memerintahkan kepada orang-orang mu'min bahawa pada waktu peperangan pun hendaklah mereka mengingati Allah Taala. Maka dengan sebab itu, kejayaan akan menyebelahi mereka. Allah Taala berfirman:-

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا لَفِيتُمْ فِتْنَةً فَاثْبِطُوْا وَ اذْكُرُوْا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ)

Anfal : 45

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu semua berhadapan dengan jemaah orang-orang kafir, maka tetapkan langkahmu dan ingatlah Allah Taala sebanyak-banyaknya, mudah-mudahan kamu semua akan mendapat kejayaan.

Yang keempat, dalam usul peperangan apabila mana-mana musuh dapat ditawan, maka perkara yang pertama sekali yang akan dilakukan ialah merampas senjatanya. Begitulah juga apabila syaitan dapat menawan manusia, maka syaitan pertama sekali akan melalaikan manusia daripada mengingati Allah Taala. Firman Allah Taala:-

(إسْتَخُوذُ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ فَأَنْسَاهُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ)

Mujadalah : 19

Ertinya: Syaitan telah menguasai mereka lalu melalaikan mereka daripada mengingati Allah Taala.

Yang kelima, zikir merupakan senjata orang mu'min. dengan perantaraan zikir manusia dapat menghindarkan diri daripada serangan syaitan. Firman Allah Taala:-

(إِنَّ الَّذِينَ اتَّقُوا إِذَا مَسَهُمْ طَائِفٌ مِّنَ الشَّيْطَانِ تَذَكَّرُوا فَإِذَا هُمْ مَنْصُورُونَ)

A'raf : 201

Ertinya: sesungguhnya orang-orang yang bertakwa apabila mereka diserang oleh kumpulan daripada golongan syaitan lalu mereka mengingati Allah Taala, maka mereka akan terlepas daripadanya.

Yang keenam, dalam Al-Quran ul-Majid telah diberitahu mengenai tanda-tanda orang yang berakal iaitu mereka yang sentiasa mengingati Allah Taala dalam keadaan duduk, bangun, malah dalam keadaan berbaring. Sebagaimana firman Allah Taala:-

(وَالَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَاماً وَقُعُوداً وَعَلَى جُنُوبِهِمْ)

Ali Imran : 191

Ertinya: Mereka yang mengingati Allah Taala dalam keadaan berdiri, duduk dan dalam keadaan berbaring.

Yang ketujuh, syariat telah membataskan setiap amalan tetapi tidak pernah menetapkan had bagi mengingati Ilahi. Firman Allah Taala:-

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ بِكَثِيرًا)

Ahzab : 41

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman, ingatilah Allah Taala dengan sebanyak-banyaknya.

Seolah-olah yang dikehendaki di sini ialah bagaimana kita dapat mengingati Allah sebanyak yang mungkin. Maka hendaklah kita berusaha bersungguh-sungguh.

Yang kelapan, Allah Taala telah memerintahkan orang-orang mu'min untuk mengingati Allah Taala dalam diri mereka. Allah Taala berfirman:-

(وَ اذْكُرْ رَبَّكَ فِي نَفْسِكَ)

A'raf : 205

Ertinya: Ingatilah Tuhan kamu dalam hatimu.

Yakni hendaklah mengingati Allah Taala dalam hati dan dalam fikiranmu, yang mana menurut golongan Sufi itulah yang dinamakan **muraqabah**.

Yang kesembilan, syaitan pada mulanya akan menghalang jalan mengingati Ilahi kemudiannya memesongkan manusia daripada solat. Firman Allah Taala:-

(وَ يَصُدُّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَ عَنِ الصَّلَاةِ)

Al Maidah : 91

Ertinya: Dan ia akan menghalang kamu dari mengingati Allah dan mengerjakan solat.

Yang kesepuluh, apabila manusia lalai dari berzikir, maka mereka tergolong dalam kalangan orang-orang yang rugi. Firman Allah Taala:-

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَ لَا أَوْلَادُكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَ مَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ)

Al-Munafiqun : 9

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman janganlah harta kamu dan anak-anak kamu melalaikan kamu dari mengingati Allah Taala dan barang siapa yang berbuat demikian maka mereka termasuk dikalangan orang-orang yang rugi.

Dari sepuluh dalil-dalil mantap yang telah didatangkan daripada Al-Quran ul-Majid itu menjelaskan bahawa kita seharusnya berzikir dengan jumlah yang banyak. Dalam risalah ringkas ini telah dijelaskan tentang zikir-zikir ma'tsurah yang dipetik daripada Ahadith Nabawi yang bertepatan dengan zikir-zikir masnunah (zikir-zikir masnun dan taklimat dari Salafussalihin). Para pembaca hendaklah mempelajari zikir-zikir ini dari syaikh yang kamil dan mengamalkan zikir-zikir ini untuk menghasilkan natijah dan kesannya.

Risalah ini juga menerangkan mengenai amalan-amalan masnun di waktu siang dan malam juga disertakan makmulat (amalan-amalan para Masyaikh Al-Kiram dan mengenai adab-adab bagi para Salikin dalam thariqah).

Namun begitu, berkenaan asbaq (pelajaran) dalam Salasilah A'aliyah Naksyabandiyah Mujaddidiah, telah dinukilkhan daripada kitab Umdatus Suluk (susunan Hadrat Sayyid Zawab Husain Rahimahullah) pada akhir risalah ini ditulis juga mengenai Syajarah Tayyibah Masyaikh Naksyabandi Arjumand supaya jelas kepada kita bahawa hubungan rohani kita bertunjang kepada Nabi Al-Akram Sallallahu alaihi wa salam.

Bagi mereka semua yang siang malam berusaha untuk menyebarluaskan risalah ini. Maka, al-faqir berdoa kepada semuanya:-

(الرَّاجِيُ إِلَى عَفْوِ رَبِّ الْكَرِيمِ)

كَانَ اللَّهُ لَهُ عَوْضًا عَنْ كُلِّ شَيْءٍ
Al-Faqir Zulfiqar Ahmad Naqsyabandi Mujaddidi

Amalan Masnun Pagi Dan Petang

- Hazrat Abu Ayub Al-Ansori Radiallahu anhu meriwayatkan dari Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Barangsiapa yang duduk setelah selesai solat subuh dalam keadaan tidak bercakap-cakap dengan sesiapa pun lalu membaca sebanyak sepuluh kali:-

(لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُخْيِي وَيُمْتَثِّلُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ)

Maka Allah Taala akan menulis baginya sepuluh kebaikan dan menghapuskan sepuluh dosa serta meningkatkan sepuluh darjatnya. Dirinya akan selamat dari musibah dan serangan syaitan untuk sepanjang hari. Begitulah juga ganjarannya jika seseorang itu membaca amalan ini pada waktu petang.

(At-Tirmizi jilid 20 m/s 175)

- Hazrat Harith bin Muslim Tamimi Radiallahu anhu meriwayatkan dari ayahandanya bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Apabila kamu solat di waktu petang, sebelum bercakap-cakap dengan sesiapa, hendaklah kamu membaca doa ini sebanyak tujuh kali

(اللَّهُمَّ أَجْرِنِي مِنْ النَّارِ)

Sekiranya kamu mati pada malam itu, Allah Taala akan melepaskan kamu dari api neraka.

(Misykat m/s 210)

- Hazrat Abdullah bin Abbas Radiallahu anhu meriwayatkan dari Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Apabila kamu selesai dari mengerjakan solat subuh, maka bacalah doa ini sebanyak tiga kali untuk dunia kamu, iaitu:-

(سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ)

Allah Taala akan menjauhkan kamu dari empat penyakit:

- Pertama, penyakit gila.
- Kedua, penyakit buta.
- Ketiga, penyakit sopak.
- Keempat, penyakit lumpuh.

Kemudian bacalah untuk akhirat kamu doa ini:-

(اللَّهُمَّ إِهْدِنِي مِنْ عَنْدِكَ وَأْفْضِ عَلَيَّ مِنْ فَضْلِكَ وَإِنْ شُرِّ عَلَيَّ مِنْ رَحْمَتِكَ وَأَنْزِلْ عَلَيَّ مِنْ بَرَكَاتِكَ)

Demi Zat yang mana nyawaku di tangan-Nya, barangsiapa yang membawa doa ini, pada hari kiamat (siapa yang membacanya dengan istiqamah) maka Allah akan membuka untuknya empat pintu syurga supaya dia dapat masuk melalui mana-mana pintu yang dia suka.

(Riwayat Ibn Sina)

4. Hazrat Abu Hurairah Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi (SAW) bersabda:- Barangsiapa membaca selepas solat fardhu,

(سُبْحَانَ اللَّهِ) 33 kali,

(الْحَمْدُ لِلَّهِ) 33 kali,

(اللَّهُ أَكْبَرُ) 34 kali,

Dan satu kali,

(لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ)

Maka kesemua dosa-dosanya akan diampuni walaupun sebanyak buih-buih di lautan.

(Mislykat jilid 1 m/s 49)

5. Hazrat Anas Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Barangsiapa yang membaca doa ini pada waktu pagi,

(أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ)

Maka dia akan terselamat dari syaitan hingga ke petang.

(Riwayat Ibn Sina)

6. Hazrat Ubay bin Ka'ab Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Demi Zat yang mana jiwaku di tangan-Nya, Surah Al-Fatihah adalah satu surah yang tidak pernah diturunkan ke dalam kitab Taurat dan tidak juga kitab Injil. Begitu juga ke dalam kitab Zabur dan tidak pula ke dalam surah-surah yang lain di dalam Al-Quran. Ianya adalah Sab'ul Matsani (سبع المثاني) dan Al-Quran Al-Azim yang dikurniakan kepadaku.

(Mislykat jilid 1 m/s 187)

(بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ。الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ。الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ。مَلِكُ يَوْمِ الدِّينِ。إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ。إِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ。صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرَ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ。)

Al-Fatihah : 1-7

7. Hazrat Abdullah bin Mas'ud Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Barangsiapa yang membaca sepuluh daripada surah Al-Baqarah pada permulaan hari, maka syaitan tidak akan mendekatinya sehingga ke petang. Jika dia membaca pada waktu petang, maka syaitan tidak akan mendekatinya sehingga ke pagi dan rumah serta hartanya juga tidak akan mendapat bencana.

(Sunan Ad-Darimi jilid 2 m/s 541)

(بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ。الْمَلِكُ الْكَتَبُ لَا رَبِّ فِيهِ هُدًى لِلْمُتَّقِينَ。الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقْيِمُونَ الصَّلَاةَ وَمَا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ。وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ。أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ هُدًى مِنْ رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ。)

Al-Baqarah : 1-5

(اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نُوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَوْدُهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ لَا إِكْرَاهٌ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشُدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرُ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنُ بِاللَّهِ فَقَدْ أَسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى لَا انْفِصالَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ。اللَّهُ وَلِيُّ الدِّينِ أَمْنُوا يُخْرِجُهُمْ مِنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلَئِنَّهُمُ الطَّاغُوتُ يُخْرِجُونَهُمْ مِنَ النُّورِ إِلَى الظُّلْمَاتِ أُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَلِدُونَ。)

Ayatul kursi dan dua ayat selepasnya

(اللَّهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تَبْدُوا مَا فِي أَنْفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِبُكُمْ بِهِ اللَّهُ فَيَعْلَمُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ。أَمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزَلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّ أَمَنَ بِاللَّهِ وَمَلِكَتِهِ وَكَتْبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطْعَنَا غُفرانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ。لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا نُؤَاخِذُنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَلْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْنَاهُ عَلَى الَّذِينَ

مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَاغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا أَنْتَ
مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.)

Dua ayat terakhir surah Al-Baqarah

Hazrat Abdullah bin Mas'ud Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Barangsiapa yang membaca empat ayat yang pertama dari surah Al-Baqarah sebelum tidur pada waktu malam kemudian Ayat Kursi dan dua ayat selepasnya serta tiga ayat yang terakhir dari surah Al-Baqarah, maka syaitan tidak akan memasuki rumahnya sehingga ke pagi.

(Sunan Ad-Darimi jilid 2 m/s 541)

8. Dinukilkan daripada Hazrat Abi Umamah Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Sesungguhnya Ism Al-A'zam (إِسْمُ الْأَعْظَمِ) semestinya berada dalam tiga surah di dalam Al-Quran. Satu pada surah Al-Baqarah, kedua pada surah Ali Imran yang ketiganya pada surah Taha.

Anak murid kepada Hazrat Abu Umamah Radiallahu anhu yakni Hazrat Qasim berkata bahawa aku telah mencarinya dan aku telah mengetahuinya bahawa ianya adalah (الْحَيُّ الْقَيُّومُ). Maka ia dinamakan Ism Al-A'zam (إِسْمُ الْأَعْظَمِ).

(Hisn Al-Haseen m/s 104)

Manakala menurut 'Allamah Ibnu Katsir bahawasanya ianya adalah Ayat Kursi dalam surah Al-Baqarah dan ayat yang pertama surah Ali Imran yakni (وَعَنْتِ الْأُوْجُوهُ لِلْحَيِّ الْقَيُّومِ) (الم. اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ).

(Tafsir Ibnu Katsir jilid 1 m/s 307)

9. Hazrat Abu Darda' Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Sesiapa yang membaca doa ini pagi dan petang iaitu,

(حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَ هُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ)

sebanyak tujuh kali, maka Allah Taala akan menjauhkan kerunsingan dunia dan akhiratnya.

(Tafsir Ruh Al-Ma'ani jilid 11 m/s 53)

'Allamah Alusi Baghddadi berkata bahawa Faqir telah mengamalkan amalan ini sejak bertahun-tahun.

10.Hazrat Abu Musa As-Sy'ari meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Barangsiapa yang membaca doa ini pagi dan petang,

(قُلْ أَدْعُ اللَّهَ أَوْ أَدْعُ الرَّحْمَنَ إِيامًا تَدْعُوا فِلَهُ الْأَسْمَاءِ الْحَسَنَىٰ وَ لَا تَجْهَرْ
بِصَلَاتِكَ وَ لَا تَخَافْتُ بِهَا وَ ابْتَغِ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا. وَ قُلْ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَتَخَدْ
وَلَدًا وَ لَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلِيٌّ مِنَ الذَّلِّ وَ كَبْرِيَا.)

Maka hatinya tidak akan mati sepanjang siang dan malamnya.

(Hadis riwayat Ad-Dailami)

11.Hazrat Ibrahim Tamimi Radiallahu anhu meriwayatkan daripada ayahandanya bahawa Rasulullah Sallallahu alaihi wa salam telah mengutus kami dalam satu peperangan lalu baginda memberi wasiat kepada kami untuk membaca ayat ini apabila tiba waktu pagi dan petang:-

(إِحْسَبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبْسًا وَ أَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تَرْجِعُونَ. فَتَعَالَ اللَّهُ الْمَلَكُ الْحَقُّ لَا
أَلَهٌ إِلَّا هُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمُ. وَ مَنْ يَدْعُو مَعَ اللَّهِ إِلَهًا أُخْرَ لَا بَرْهَانَ لَهُ بِهِ
فَإِنَّمَا حَسَابُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ إِنَّهُ لَا يَفْلُحُ الْكُفَّارُ وَ قُلْ رَبُّ اغْفِرْ وَ ارْحَمْ وَ أَنْتَ
خَيْرُ الرَّاحِمِينَ)

Maka kami membacanya secara berterusan. Dengan itu, kami memperoleh harta ghanimah (rampasan perang) dan diri kami juga selamat.

(Riwayat Ibnu Sina dan Abu Nuaim)

12.Hazrat Abdullah bin Abbas Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda bahawa:- Barangsiapa yang apabila tiba waktu subuh lalu membaca doa ini:-

(فَسُبْحَانَ اللَّهِ حِينَ تَمْسُونَ وَ حِينَ تَصْبِحُونَ. وَ لِهِ الْحَمْدُ فِي السَّمَوَاتِ وَ
الْأَرْضِ وَ عَشِيَا وَ حِينَ تَظَهَرُونَ. يَخْرُجُ الْحَيُّ مِنَ الْمَيْتِ وَ يَخْرُجُ الْمَيْتُ مِنَ
الْحَيِّ وَ يَحْيِي الْأَرْضُ بَعْدَ مَوْتِهَا وَ كَذَلِكَ تَخْرُجُونَ)

Maka, sebanyak manapun kekurangannya pada hari itu, dia tetap digolongkan bersama orang-orang yang sempurna pada hari itu. Begitu juga, apabila doa ini dibaca pada waktu petang maka dia tetap digolongkan bersama orang-orang yang sempurna pada malam itu.

(Misykat jilid 1 m/s 210)

13.Hazrat Abu Hurairah Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Barangsiapa yang apabila tiba waktu subuh lalu membaca ayat ini:-

(ح. تنزيل الكتب من الله العزيز العليم. غافر الذنب و قابل التوب شديد العقاب ذي الطول لا إله إلا هو إليه المصير)

Maka dia akan terselamat hingga waktu petang. Begitu juga apabila dibaca pada waktu petang, maka dia akan terselamat sehingga waktu subuh.
(Sunan Ad-Darimi jilid 2 m/s 542)

14.Hazrat Ma'qal bin Yasir Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Barangsiapa yang membaca tiga kali:
(اعوذ بالله السميع العليم من الشيطان الرجيم)

Kemudian membaca tiga ayat terakhir daripada surah Al-Hasyr pada waktu malam mahupun waktu subuh, maka Allah Taala akan menetapkan tujuh puluh ribu malaikat untuk mendoakan rahmat keatasnya dan sekiranya dia meninggal pada malam itu maka Allah Taala akan mengurniakan darjah Syahadah kepadanya.

(Mislykat jilid 1 m/s 188)

(هو الله الذي لا اله الا هو عالم الغيب و الشهادة هو الرحمن الرحيم. هو الله الذي لا اله الا هو الملك القدس السلام المؤمن المهيمن العزيز الجبار المتكبر سبحان الله عما يشركون. هو الله الخالق البارئ المصور له الأسماء الحسنى يسبح له ما في السموات و الرض و هو العزيز الحكيم.)

15.Hazrat Abdullah bin Abbas Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Surah Al-Zalzalah adalah sama dengan separuh daripada Al-Quran (dengan membacanya seseorang itu akan mendapat pahala membaca separuh daripada Al-Quran).

(Mislykat jilid 1 m/s 188)

(إذا زلزلت الأرض زلزالها. و اخرجت الأرض أثقالها. و قال الإنسان ما لها. يومئذ تحدث اخبارها. بأنّ ربّك اوحى لها. يومئذ يصدر الناس أشتاتاً ليروا اعمالهم. فمن يعمل مثقال ذرة خيراً يره. و من يعمل مثقال ذرة شراً يره.)

16.Hazrat Abdullah bin Abbas Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda bahawa:- Surah Al-Kafirun adalah sama dengan satu perempat daripada Al-Quran (hendaklah membacanya pagi dan petang).

Para sahabat Radiallahu anhum bertanyakan tentang amalan pada waktu malam. Maka, Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Bacalah ayat:-

(قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَفَرُونَ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ وَلَا إِنَّمَا أَعْبُدُ مَا أَعْبُدُمْ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِي).

Ianya akan melepaskan kamu daripada syirik.

(Riwayat At-Tirmizi jilid 2 m/s 176)

17.Hazrat Annas Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam pernah bertanya kepada seorang sahabat Radiallahu anhu:-

Bukankah kamu mempunyai surah (إِذَا جَاءَ نَصْرًا اللَّهُ وَالْفَتْحُ) (yakni tidakkah kamu menafalnya?). Lelaki itu menjawab:- Mengapa tidak?.

Maka Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Ianya adalah satu perempat daripada Al-Quran.

(Riwayat At-Tirmizi)

Hendaklah kita membacanya pagi dan petang.

(إِذَا جَاءَ نَصْرًا اللَّهُ وَالْفَتْحُ وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا فَسُبْحَانَ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَابًا).

18. Hazrat Abdullah bin Jabir Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa:- Dahulu sewaktu kami berada dalam keadaan hujan yang lebat dan ribut yang dahsyat pada waktu malam, lalu kami keluar untuk berjumpa dengan Nabi Sallallahu alaihi wa salam. Maka kami bertemu Nabi Sallallahu alaihi wa salam, lalu baginda bersabda:- Ucapkanlah!. Saya bertanya:- Ya Rasulallah! Apa yang perlu saya ucapkan?. Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Surah Al-Ikhlas dan Mu'awizatain (iaitu surah Al-Falaq dan surah An-Naas) tiga kali di waktu pagi dan petang. Ianya akan menjauhkan setiap sesuatu walaupun benda yang memudharatkan (yakni seseorang akan terpelihara daripada segala jenis keburukan)(Misykat jilid 1 m/s 188)

(قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ. اللَّهُ الصَّمْدُ. لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ. وَلَمْ يَكُنْ لَّهٗ كَفُواً أَحَدٌ.)

Al-Ikhlas : 1-4

(قُلْ إِعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ. مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ). وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ). وَمِنْ شَرِّ
النَّفَثَةِ فِي الْعَقْدِ). وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ)

Al-Falaq : 1-5

(قُلْ إِعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ. مَلِكِ النَّاسِ). إِلَهِ النَّاسِ). مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ).
الَّذِي يُوْسُوسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ). مِنْ جَنَّةِ النَّاسِ).

An-Naas : 1-6

19. Hazrat Abu Darda Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Barangsiapa yang membaca doa ini di waktu pagi dan petang:-

(اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبُّنِي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ تَوَكَّلْتُ عَلَيْكَ وَأَنْتَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ مَا شَاءَ
اللَّهُ كَانَ وَمَا لَمْ يَشأْ لَمْ يَكُنْ وَلَا حُولَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ اعْلَمُ أَنَّ
اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَأَنَّ اللَّهَ قَدْ احْاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا - اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ
بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسٍ وَمِنْ شَرِّ كُلِّ دَابَّةٍ أَنْتَ أَخْذُ بِنَاصِيَّنَا إِنَّ رَبَّنَا يَعْلَمُ صِرَاطَ
مُسْتَقِيمٍ)

Maka, Allah Taala akan memelihara dirinya dan anak isterinya.

(Kitab Al-Iman wa As-Sifat bab . m/s 23)

20. Hazrat Abban bin Uthman meriwayatkan bahawa:- Aku mendengar daripada ayahandaku, dia berkata bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Sesiapa sahaja yang membaca doa ini tiga kali di waktu pagi dan petang:-

(بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاوَاتِ وَهُوَ
الْسَّمِيعُ الْعَلِيمُ)

Maka, tiada mudharat akan menimpanya. Dalam hadith yang lain, baginda bersabda:- Dia tidak akan terkena musibah yang datang secara tiba-tiba.

(Misykat jilid 1 m/s 209)

21. Hazrat Abu Hurairah Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Barangsiapa membaca doa ini tiga kali setiap pagi dan petang:-

(أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ)

Maka, dia tidak akan ditimpa sebarang mudharat daripada binatang-binatang yang berbisa.

(Riwayat At-Tirmizi jilid 2 m/s 181)

22.Hazrat Ibnu Umar Radiallahu anhuma meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam tidak pernah meninggalkan daripada membaca doa ini, tidak di waktu pagi mahupun di waktu petang:-

(اللهم إني اسألك العافية في الدنيا والأخرة اللهم إني اسألك العافية والعافية في ديني ودنياي واهلي ومالِي اللهم استر عوراتي وامن روعاتي اللهم احفظني من بين يدي و من خلفي و عن يميني و عن شمالي و من فوقي و من دوني أعوذ بعظمتك أن أغتال من تحتي)

(Misykat Jilid 1: m/s 210)

23.Hazrat Abu Hurairah Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam membaca doa ini pada waktu pagi:-

(اللهُمَّ بِكَ أَصْبَحْنَا وَ بِكَ أَمْسَيْنَا وَ بِكَ نَحْيَ وَ بِكَ نَمُوتُ وَ إِلَيْكَ الْمَصِيرُ)

Dan pada waktu petang:

(اللهُمَّ بِكَ أَمْسَيْنَا وَ بِكَ أَصْبَحْنَا وَ بِكَ نَحْيَ وَ بِكَ نَمُوتُ وَ إِلَيْكَ الْمَصِيرُ)

(Misykat jilid 1 m/s 209)

24.Hazrat Abdullah bin Ghannam Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- barangsiapa membaca doa ini pada waktu pagi:-

(اللهُمَّ مَا أَصْبَحَ بِي مِنْ نِعْمَةٍ أَوْ بِأَحَدٍ مِنْ خَلْقِكَ فَمَنْكَ وَحْدَكَ لَا شَرِيكَ لَكَ فَلَاكَ الْحَمْدُ وَلَكَ الشُّكْرُ)

Maka, dia telah menunaikan syukur pada hari itu dan sekiranya dia membaca pada waktu petang doa ini:-

(اللهُمَّ مَا أَمْسَيْتَ بِي مِنْ نِعْمَةٍ أَوْ بِأَحَدٍ مِنْ خَلْقِكَ فَمَنْكَ وَحْدَكَ لَا شَرِيكَ لَكَ فَلَاكَ الْحَمْدُ وَلَكَ الشُّكْرُ)

Maka dia telah menunaikan syukur pada malam itu.

(Misykat jilid 1 m/s 211)

25.Hazrat Abdullah bin Umar Radiallahu anhuma meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda bahawa:- Seorang hamba Allah yang membaca doa ini:-

(يَا رَبَّنَا الْحَمْدُ كَمَا يَنْبُغِي لِجَلَالٍ وَجَهَنَّمَ وَعَظِيمٍ سُلْطَانًا)

Maka doa itu akan menyebabkan kesusahan kepada para malaikat untuk menulis ganjaran pahalanya. Walaupun Allah Taala telah mengetahui hambanya telah membaca doa ini namun, Allah Taala masih bertanya kepada malaikat-Nya:- Apakah yang telah dibaca oleh hamba-Ku? Maka malaikat itu menjawab:- Mereka telah membaca doa ini:-

(يَا رَبَّنَا الْحَمْدُ كَمَا يَنْبُغِي لِجَلَالٍ وَجَهَنَّمَ وَعَظِيمٍ سُلْطَانًا)

Maka Allah Taala berfirman:- Tulislah pada ketika ini seperti mana yang telah dia baca (di dalam buku catatan amalannya) apabila hamba-Ku berjumpa dengan-Ku kelak, maka pada ketika itu Aku sahaja yang akan memberi balasan kepadanya

(Tafsir Ibnu Katsir m/s 3 surah Al-Fatihah)

26.Khadim kepada Nabi Sallallahu alaihi wa salam, Hazrat Abu Tsauban Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Apabila seorang muslim membaca doa ini di waktu pagi dan petang:-

(رَضِيتُ بِاللهِ رَبِّا وَبِالإِسْلَامِ دِينًا وَبِمُحَمَّدِ نَبِيًّا)

Maka dia berhak untuk mendapat redha Allah Taala pada hari akhirat kelak.

(Misykat jilid 1 m/s 210)

27.Ummu Mukminin Hazrat Juwairiyah Radiallahu anha telah keluar daripada rumahnya. Setelah Nabi Sallallahu alaihi wa salam pulang daripada masjid pada waktu dhuha, Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Wahai Juwairiyah, adakah sehingga sekarang kamu masih dalam keadaan yang sama seperti mana keadaan ketika aku keluar dari rumah tadi lalu melihat kamu? Dia menjawab:- Ya, Wahai Rasulullah. Maka Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- selepas aku keluar dari sini tadi, aku telah membaca empat kalimah sebanyak tiga kali yang mana jika ditimbang dengan apa yang engkau baca sejak daripada solat subuh tadi, nescaya kalimah itu akan memberatinya. Kalimah itu adalah:-

(سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ عَدْدُ خَلْقِهِ وَرِضاَ نَفْسِهِ وَزَنَةُ عَرْشِهِ وَمَدَادُ كَلْمَاتِهِ)

(Misykat jilid 1 m/s 200)

28.Hazrat Syaddad bin Aus Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda bahawasanya:- Kalimah ini:

(اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ
مَا اسْتَطَعْتَ أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرٍّ مَا صَنَعْتَ أَبُوءُ لَكَ مِنْ نِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ
بِذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي إِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ)

Barangsiapa yang membacanya pada waktu pagi dengan penuh yakin, maka jika dia meninggal dunia pada hari itu dia akan memasuki syurga. Sekiranya dia membaca doa ini pada waktu petang dan dia meninggal dunia pada malam itu, dia akan memasuki syurga.

(Riwayat Bukhari jilid 3 m/s 933)

29.Hazrat Abdul Rahman Radiallahu anhu berkata bahawa aku telah berkata kepada ayahku, Hazrat Abu Bakar radiallahu anhu bahawa:- Aku telah mendengar kamu membaca kalimah ini sebanyak tiga kali pada setiap waktu pagi dan petang:-

(اللَّهُمَّ عَافَنِي فِي بَدْنِي اللَّهُمَّ عَافَنِي فِي سَمْعِي اللَّهُمَّ عَافَنِي فِي بَصَرِي لَا
إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ)

Maka Hazrat Abu Bakar Radiallahu anhu berkata:- Aku mendengar Rasulullah Sallallahu alaihi wa salam membaca doa ini. Aku juga mahu mengamalkan Sunnah Nabi Sallallahu alaihi wa salam.

30.Hazrat Abu Bakar As-Siddiq Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Allah Taala berfirman:- Beritahulah kepada ummatmu supaya mereka membaca doa ini:-

(لَا حُولَّ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ)

Maka barangsiapa yang membaca doa ini sepuluh kali pada waktu pagi dan sepuluh kali pada waktu petang serta sepuluh kali ketika hendak tidur, maka dia akan terselamat daripada bencana pada malam itu disebabkan bacaannya pada ketika hendak tidur,dia juga akan terselamat daripada tipu daya syaitan kerana bacaannya pada waktu petang dan dia akan terselamat daripada kemarahan-Ku kerana bacaannya pada waktu pagi.
(Riwayat Dailami)

31.Hazrat Muaz bin Jabal radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Barangsiapa yang membaca doa ini selepas solat subuh dan selepas solat asar sebanyak tiga kali:-

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ

Maka semua dosa-dosanya diampunkan sekalipun dosanya itu sebanyak buih-buih di lautan.

(At-Targhib wa At-Taarhib m/s 307)

32.Hazrat Abu Said Al-Khudri Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa suatu hari Nabi Sallallahu alaihi wa salam telah memasuki masjid. Tiba-tiba baginda melihat seorang sahabat Ansori (Abu Umamah) Radiallahu anhu lalu baginda bersabda:- Apakah sebab aku melihat kamu duduk di masjid selain daripada waktu solat? Dia menjawab:- Wahai Rasulullah, disebabkan tidak kesenangan hati dan hutang yang tertanggung. Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Mahukah aku memberi hadiah berupa doa kepada kamu yang mana apabila kamu membacanya Allah Taala akan menghilangkan tekanan perasaan kamu. Hazrat Abu Umamah Radiallahu anhu berkata:- Wahai Rasulullah, kenapa tidak? Maka Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Bacalah doa ini pagi dan petang:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزْنِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجَزِ وَالْكَسْلِ وَأَعُوذُ
بِكَ مِنَ الْبَخْلِ وَالْجِنْ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ غَلْبَةِ الدِّينِ وَقَهرِ الرِّجَالِ

Hazrat Abu Umamah Radiallahu anhu berkata:- Aku telah membacanya lalu Allah Taala telah menghilangkan tekananku dan telahpun melunaskan hutangku.

(Misykat jilid 1 m/s 215)

33.Hazrat Muaz Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa apabila Nabi Sallallahu alaihi wa salam melihatku tidak hadir pada hari jumaat, maka Nabi Sallallahu alaihi wa salam datang kepadaku dan bertanya:- Apakah sebabnya aku tidak melihat kamu? Aku menjawab:- Aku mempunyai hutang untuk dibayar kepada seorang yahudi dan aku telah turun dari rumah untuk datang kepadamu tetapi yahudi itu telah menghalangku menyebabkan aku tidak hadir. Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Mahukah aku mengajar kamu satu doa yang jika sekiranya kamu membacanya pada waktu pagi dan petang maka Allah Taala akan melunaskan tanggungan hutangmu walaupun ia sebesar gunung Uhud? Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda lagi:- Wahai Muaz, bacalah:

(اللهم مالك الملك تؤتي الملك من تشاء و تنزع الملك ممّن و تعزّ من تشاء و تذلّ من تشاء بيدك الخير إنك على كل شيء قادر. تولج الليل في النهار و تولج النهار في الليل و تخرج الحيّ من الميت و تجرج الميت من الحيّ و ترزق من تشاء بغير حساب. رحمن الدنيا والآخرة و رحيمهما تؤتي من تشاء منها و تمنع من تشاء ارحمني رحمة تغنيني بها عن رحمة من سواك، اللهم اقض عني الدين و اغبني من الفقر و توفّني في عبادك و جهاد في سبيلك)

(Tafsir Qurtubi jilid 1 m/s 52)

34. Hazrat Abu Darda Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Barangsiapa yang berselawat kepadaku waktu pagi dan petang sebanyak sepuluh-sepuluh kali maka aku akan mensyafaatinya pada hari kiamat. Dan selawat yang paling afodal ialah:

(اللهم صل على محمد و على آل محمد كما صليت على إبراهيم و بارك على محمد و على آل محمد كما باركت على إبراهيم إنك حميد مجید) (Fadhal Selawat m/s 44)

35. Hazrat `Atta bin Abi Rabah Radiallahu anhu berkata:- Telah sampai kepada aku hadith bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Barangsiapa yang membaca surah Yasin pada permulaan hari, maka segala pekerjaannya pada hari itu akan disempurnakan.

(Misykat m/s 189)

36. Hazrat Abdullah bin Mas`ud Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Barangsiapa yang membaca surah Al-Waqiah pada setiap malam, maka kefaqiran tidak akan menimpanya. Hazrat Abdullah bin Mas`ud Radiallahu anhu sendiri sentiasa menyuruh anak-anaknya membaca surah ini pada setiap malam.

(Misykat jilid 1 m/s 189)

37. Hazrat Abu Said Al-Khudri Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Barangsiapa yang membaca surah Al-Kahfi, dia akan dipancari nur diantara dua jumaat (yakni daripada jumaat sehingga jumaat yang akan datang)

(Misykat jilid 1 m/s 189)

38.Hazrat Anas Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Barangsiapa yang menunaikan solat subuh lalu duduk berzikir kepada Allah Taala sehingga terbit matahari kemudian dia mengerjakan dua rakaat (Isyraq), maka dia akan mendapat pahala haji dan umrah
 (Misykat jilid 1 m/s 189)

39.Hazrat Abu Hurairah Radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Bahawa Allah Taala akan turun di langit yang pertama pada setiap malam dan apabila sampai bahagian ketiga akhir malam, maka Allah Taala akan menyeru:- Adakah mereka yang ingin berdoa supaya Aku mengabulkan doanya? Adakah mereka yang meminta supaya Aku memberi kepadanya? Adakah mereka yang inginkan maghfirah supaya Aku memaafkannya?
 (Misykat jilid 1 m/s 109)

40.Hazrat Jubair bin Mut`im radiallahu anhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- Barangsiapa yang membaca doa ini pada akhir sesuatu majlis:

(سبحانك اللهم وبحمدك أشهد لأن لا اله إلا انت أستغفرك و أتوب إليك)
 Maka doa ini akan menjadi seperti mohor dan barangsiapa yang membaca doa ini pada akhir majlis yang sia-sia maka doa ini akan menjadi kafarah kepadanya.

(Misykat m/s 214)

Ma'mulat Masyaikh Naqsyabandi Arjumand

- Salik mestilah bangun pada akhir malam untuk solat tahajjud. Hazrat Luqman Alaihi salam telah menasihati anaknya:-
 ○ يَا بْنَيْ لَا تَكُنْ أَعْجَزَهُ فِي هَذَا الْدِيْكَ الَّذِي يَصُوْتُ بِالْأَسْحَارِ وَ اَنْتَ قَائِمٌ ○ عَلَى فِرَاشِكَ)
 ○ Hazrat Junaid Baghdadi Rahmatullahi alaih selepas kematiannya telah dilihat di dalam mimpi oleh Allamah Kattani Rahmatullahi alaih beliau berkata:- Kesemua rahsia-rahsia ilmu dan makrifatnya telah berakhir. Hanya dua rakaat solat tahajjud yang memberi manfaat yang mana kami mengerjakannya pada akhir malam. Hazrat Khwajah Abu Said Abul Khair Rahmatullahi alaih bersyair:-

Bangunlah pada malam hari kerana padanya ada perkara rahsia di kalangan Ussyak (pencinta)

Pintu-pintu di setiap tempat ditutup pada malam hari...

Melainkan hanya pintu kawan yang terbentang pada waktu malam....

(21)

- Selepas bangun dari tidur, hendaklah membaca doa masnun. Sekiranya memakai selipar maka hendaklah sarungkan kaki kanan terlebih dahulu, kemudian kaki kiri dan hendaklah meriyatkan doa-doa masnun semasa masuk ke dalam tandas begitu juga setelah selesai dari berwuduk.
 (Membaca doa masnun pada masa-masa yang berbeza adalah sangat penting dan jangan sesekali berkurang padanya kerana dengannya akan memantapkan wuquf qalbi kita)
- Dinukilkan daripada Hazrat Khwajah Ubaidullah Ahrar Rahmatullahi alaih bahawa selepas mengambil wuduk, hendaklah membaca tiga kali:-
 “Wahai Allah, aku telah bertaubat daripada setiap kesilapan dan dosa-dosa yang telah aku lakukan.”
 Yang dimaksudkan dengan doa ini adalah taubat dan istighfar supaya disamping kita mengambil wuduk secara zahir, kita juga mendapat

bahagian taharah yakni menyuci secara batin. Maka dengannya mudah menghasilkan kaifiat:-

(أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَانَكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ)

di dalam solat kita. Dan inilah maksud terakhir yang ingin dicapai oleh para sufi.

- Selepas setiap kali setelah selesai mengambil wuduk, hendaklah menunaikan solah dua rakaat tahiyyatul wuduk. Telah dinukilkhan bahawa Nabi Sallallahu alaihi wa salam ketika mikraj, telah mendengar langkah kaki Bilal Radiallahu anhu di dalam syurga. Apabila Nabi Sallallahu alaihi wa salam pulang daripada mikraj dan selepas bertanya dapat diketahui bahawa beliau sentiasa menunaikan solat tahiyyatul wuduk secara istiqamah. Rakaat yang pertama hendaklah dibaca Qul ya ayuhal kafirun. Rakaat yang kedua hendaklah dibaca surah al-ikhlas.
- Hendaklah sentiasa menunaikan solah tahajud dengan penuh khusyuk dan khuduk sebanyak dua rakaat, empat, lapan atau dua belas rakaat. Amalan kebiasaan Hazrat Khuwajah, Abu Yusuf Hamdani Rahmatullahi alaih ialah pada dua rakaat pertama tahajjud beliau membaca ayat kursi dan Ruku' terakhir surah Baqarah. kemudian di dalam solat lapan rakaat beliau membaca sepuluh-sepuluh ayat daripada surah yasin dan dua rakaat yang terakhir beliau membaca surah al-ikhlas sebanyak tiga-tiga kali. Hazrat Sheikh Abdul Qadir Jailani dan Hazrat Khawajah Muinuddin Chisti Ijmiri Rahmatullahi alaihimaa telah menghasilkan fayaz daripada suhbah dengan Khuwajah Abdul Yusuf Hamdani yang mana beliau (Khawajah Abu Yusuf Hamdani) digelar mursyid taklim kepada kedua-dua hazrat itu. Hazrat Khawajah Ali Ramitni Rahmatullahi alaih berkata bahawa dengan membaca surah yasin di dalam solah tahajud akan memdapat tiga hati. Pertama, hati malam pada bahagian akhir malam. Kedua, hati Al-Quran yakni surah yasin yang ketiga, hati manusia itu sendiri. Dengan berhimpun ketiga-tiga hati ini, akan menyebabkan maqbulnya doa kita.
- Hazrat Khawajah Ubaidullah Ahrar Rahmatullahi alaih pernah berkata bahawa apabila apabila seorang itu tertinggal tahajud, maka hendaklah dia solat nafil pada keesokkan harinya ketika nisfun nahar (sebelum waktu tengah hari. Ini akan menjadi hukuman buat nafsunya dan janganlah ianya menganggap ianya sebagai solat tahajud. Kepada mana-mana salik yang

tidak yakin dapat bangun seolat tahajjud maka hendaklah ia solat nafil sebelum tidur.

- Hazrat Khawajah Bahwuddin Naqsyabandi Bukhari Rahmatullahi alaih membaca syair ini di dalam doanya ketika waktu tahajjud:

حون بدرکاه تو خود را در بناء اورده ام •
 يا الله العالمين بار کناه اورده ام •
 بر درت زین بار کناه اورده ام •
 عجز و زاری بر در عالم بناء اورده ام •
 من نمی کویم که بودم سالمها در راه تو •
 هستم ان کمراه اکنون رو براه اورده ام •
 جار چیز اورده ام شاهها که درکنج تو بیست •
 بیستی و حاجت و عذر و کناه اورده ام •
 دل درو بشی و بی خوشی بهم •
 این همه بر دعوی عشقت کواه اورده ام •
 چیشم رحمت برکشا موى سفید من به بین •
 زانکه از شرمندکی روی سیاه اورده ام •

(23)

- Kadang-kadang doa yang dinasabkan kepada Hazrat Saidina Siddiq Akbar Rahmatullahi alaih yang dikenali doa Siddiqi atau munajat Siddiqi hendaklah dibaca. Selepas berdoa hendaklah membaca selawat sebanyak seratus kali. Ada seorang bertanya kepada Syaikhul Arab wal Ajam, Hazrat Maulana Abdul Ghafur Al-Madani Al-Abbasi Rahmatullahi alaih bahawa:- Adakah aku perlu membaca istighfar ataupun selawat terlebih dahulu? Maka Hazrat menjawab:- Misal istighfar adalah seumpama kain yang hendak dibasuh dengan sabun dan misal selawat adalah seumpama kain yang hendak disapu dengan attar. Sekarang beritahulah, adakah kain itu disapu dengan bauan atau dibasuh dengan sabun terlebih dahulu? Maka, orang yang bertanya telah menjawab:- Sudah tentu perlu dibasuh dengan sabun terlebih dahulu kemudian barulah disapu dengan bauan. Lalu Hazrat berkata:- Begitulah, kita perlu membaca istighfar pada mulanya dengan

bersungguh-sungguh dan penuh penyesalan supaya hati kita menjadi bersih. Kemudian, barulah membaca selawat dengan penuh ‘aqidah dan muhibbah supaya terkena bauan. Dengannya, bauan muhibbah Rasulullah Sallallahu alaihi wa salam akan terhasil.

- Selepas membaca tasbihat, hendaklah menyibukkan diri dengan berzikir dan sabak (pelajaran muraqabah yang telah ditalkin oleh syeikh) dan hendaklah melakukan muraqabah dengan penuh tawajjuh dan menjauhkan khayalan daripada sebarang was-was. Hazrat Khawajah Bahauddin Naqsyabandi Bukhari Rahmatullahi alaih telah menasihati Hazrat Maulana Mohammad Yaaqob Charqi:- Hendaklah kamu menyibukkan diri dengan sabak batini sebelum waktu subuh.
- Hendaklah solat dua rakaat sebelum subuh di rumah kerana ia adalah sunnah. Kemudian, dirikanlah solat fardhu secara berjemaah serta mendapatkan takbiratul ula di masjid. Hendaklah melazimkan diri untuk menjaga takbiratul ula pada setiap solat fardhu. Perkara ini merupakan syiar suluha’ masyaikh kita di dalam silsilah Naqsyabandiah. Mereka tidak pernah luput takbiratul ula selama berbulan-bulan.
- Hendaklah masuk masjid dengan membaca doa masnun dan memasuki masjid dengan niat i’tikaf serta menganggap percakapan keduniaan di dalam masjid sebagai keburukan yang dahsyat. Hendaklah menganggap setiap kali solat itu sebagai solat yang terakhir dalam kehidupan supaya terhasil kesungguhan yang kamil (sempurna) dalam solat.

(24)

- Bacalah tasbih Fatimah setiap kali selepas solat dan satu kali kalimah yang ketiga (iaitu Allahu Akbar) dan satu kali ayat kursi dan bacalah tujuh kali selepas solat subuh dan maghrib :

(اللهم أجرني من النار)

dan sepuluh kali :

(اللهم اغفر لي و للمؤمنين و المؤمنات و المسلمين و المسلمات)

Hazrat Mursyid Alam Ghulam Habib Rahmatullahi alaih sentiasa mengamalkan amalan ini dengan istiqamah.

- Selepas itu, bacalah satu juz Al-Quran dan kepada hafiz Al-Quran hendaklah membaca mengikut manzil hariannya serta handaklah mengamalkan pembacaan surah Yasin setiap hari.
- Apabila matahari telah naik tinggi sekadar satu atau dua tombak (yakni selepas lima belas minit terbit matahari) maka, solatlah empat rakaat isyrak. Ganjarannya adalah mendapat pahala haji dan umrah. Hazrat Maulana Mohammad Yaaqob Charqi Rahmatullahi alaih berkata:- Bacalah sepuluh kali kalimah ini selepas solat isyrak :

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَيْ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Wasiat ini beliau terima daripada Hazrat Khawajah Saifuddin Bakhuzi Rahmatullahi alaih (Risalah Saniah m/s 33

- Menjadi amalan para masyaikh Bukhara bahawa meniatkan solat istikharah dalam nawafil isyrak. Selepas itu, tidur sebentar supaya Allah Taala menjelaskan lagi amalan sepanjang hari itu. Ditambah lagi, setelah setiap solat bacalah surah Al-Fatihah, ayat kursi dan empat Qul lalu dihadiahkan pahalanya kepada Nabi Sallallahu alaihi wa salam dan keseluruhan mu'minin dan mu'minat.
- Selepas itu mereka yang sibuk dalam pembelajaran dan pengajaran hendaklah menyibukkan diri dengannya dan sekiranya seorang itu peniaga atau pekerja, hendaklah dia menyibukkan pekerjaannya dengan meria'yatkan masail syar'iah dan hendaklah melazimkan diri dengan mengingati Allah Taala supaya اَن تَعْبُدَ اللَّهَ كَمَا نَعْبُدُهُ فَإِنْ تَرَاهُ فَإِنَّمَا يَرَاكُ

(25)

menjadi sebahagian daripada amalan kita. Ianya dinamakan wuquf qalbi, yakni tangan sentiasa sibuk bekerja , tetapi hati sentiasa mengingati Allah Taala.

- Apabila matahari sudah cukup tinggi, maka solatlah empat rakaat nawafil dhuha. Mengikut Hazrat Khawajah Ubaidullah Ahrar Rahmatullahi alaih :-

Bacalah وَالشَّمْسُ وَضَحَّهَا dalam rakaat yang pertama dan bacalah وَالظَّهَى pada rakaat yang kedua dan وَاللَّيلُ إِذَا يَغْشِي pada rakaat yang ketiga dan الْمُنْشَرِّحُ pada rakaat yang keempat. (Risalah Anfaas Nafsiyah m/s 7)

- Kepada mereka yang tidak sempat menunaikan solat dhuha disebabkan urusan dunia dan urusan pejabat, maka hendaklah dia solat dengan meniatkan dua rakaat dhuha pada waktu isyrak pada masa itu. Inilah amalan yang terbaik.
- Selepas makan tengahari, hendaklah melakukan qailulah (tidur sebentar di tengahari) ini kerana ia merupakan sunnah Nabi Sallallahu alaihi wa salam dan ia memudahkan untuk kita menjaga solat tahajjud dan apabila masuk waktu zohor, hendaklah solat empat rakaat sunat zohor di rumah lalu menunaikan solat fardhu secara berjemaah.
- Hazrat Khwajah Ubaidullah Ahrar Rahmatullahi alaih berkata:- Selepas solat zohor, ucapkanlah tiga kali ucapan baz gasht (ilahi, engkaulah maksudku dan keredhaanmu adalah matlubku. Kurnialah kepadaku mahabbat dan makrifatmu (Risalah Anfas Nafsiah m/s 84).
- Selepas zohor sibukkanlah dirimu dengan pekerjaanmu dan sekiranya ada kelapangan, maka dengan ijazah daripada sheikh bacalah kitab Dalail Khairat dan Hizbul Bahar satu kali dan juga Shajarah Mubarakah satu kali. Sekiranya ada masa lapang, bacalah kitab feqah ataupun tasawwuf khususnya kitab Maktubat Imam Rabbani dan Maktubat Masumiah serta kitab Halaat (keadaan) silsilah masyaikh Naksyabandiah. Setengah daripada makmulat sebahagian masyaikh adalah membaca surah Al-Fath selepas zohor.
- Selepas solat asar, sibukkanlah diri dengan aurad dan wazifah, Telah berkata Hazrat Haji Dost Mohammad Kandahari Rahmatullahi alaih bahwasanya seorang salik hendaklah melakukan muraqabah pada setiap latifahnya mengikut tertib di bawah:-

(26)

Latifah Qalb (Isim Allah) 5000 kali.

Latifah Roh (Isim Allah) 1000 kali

Latifah Sir (Isim Allah) 1000 kali

Latifah Khafiy (Isim Allah) 1000 kali

Latifah Akhfa (Isim Allah) 1000 kali

Latifah Nafs (Isim Allah) 2000 kali

Latifah Qalib (Isim Allah) 1000 kali

- Bilangan kesemuanya Isim Allah adalah sebanyak 12000 kali

- Tunaikan solat Maghrib secara berjemaah dan setelah itu hendaklah solat Awwabin sebanyak enam hingga dua belas rakaat. Selepas itu bacalah Surah Waqiah dan Sajadah dan Surah Dukhan.
- Selepas selesai daripada makan, hendaklah menunaikan solat isyak berjemaah kemudian ucaplah istighfar sebanyak 100 kali dan selawat sebanyak 100 kali. Kemudian bacalah Surah Al-Mulk.

- Ma'mulat (amalan) Hazrat Mursyid Alam Rahmatullahi alaih adalah membaca selawat sekali, fatihah sekali ayat kursi dan empat Qul setiap satunya sekali dan sekali selawat kemudian membuat garisan bulatan di sekeliling diri kemudian amalkannya di waktu malam. Amalan ini adalah amat berfaedah bagi pemeliharaan diri.
- Salik hendaklah membaca ayat Kursi selepas setiap solat fardhu dan hendaklah bersungguh-sungguh membaca muawizatain (Surah Al-Falaq dan Surah An-Naas) dan tasbih Fatimah. Hendaklah solat tasbih pada siang hari jumaat dan berusaha untuk beriftiqaf pada sepuluh hari terakhir di bulan Ramadhan dan qiamullail pada malam Nisfu Syaaban, Lailatul Qadr, 'Aidul Fitri dan 'Aidul Adha.
- Hendaklah berpuasa pada Ayyaamu Abyad (13,14,dan 15 haribulan pada setiap bulan qamri) dan enam hari pada bulan Syawal, sembilan hari pada bulan Zulhijjah berpuasa pada hari 'Asyura, lima belas haribulan Syaaban, lapan hari pada permulaan bulan Rejab dan Syaaban.bersungguh-sungguh dalam berpuasa nafil dan sebaik-baiknya satu hari berpuasa dan satu hari iftar (berbuka). Ini kerana ianya dinamakan Saum Daudi (puasa Nabi Daud)

(27)

dan terdapat penekanan terhadapnya dalam hadis. Berpuasa secara berterusan adalah makruh.

- Sekiranya masih mempunyai solat dan puasa untuk diqada', maka adalah lazim untuk menyelesaikannya terlebih dahulu. Hendaklah sentiasa mengingati dan membaca doa-doa masnun pada waktu-waktu yang berbeza.
- Selain menjaga kesihatan rohani, kesihatan jasmani juga hendaklah dijaga. Dalam hadis ada menyebut, orang mukmin yang kuat lebih disukai Allah daripada orang mukmin yang lemah. Masyaikh kita sentiasa berjalan kaki (dengan niat untuk kesihatan jasmani) pada waktu yang sesuai pada waktu

pagi dan petang hari. Jika sekiranya ingin mengurangi atau menambah sesuatu makmulat, hendaklah meminta izin daripada syeikh.

ADABUS SALIKIN

Pada setiap tujuan dan perjalanan bagi seorang musafir, terdapat usul dan disiplinnya yang mana sekiranya ia itu dapat dijaga, maka seseorang itu akan sampai pada manzil dan destinasi. Sesiapa yang tidak menjaga syarat-syarat tersebut malah memesongkan diri daripada usul dan disiplin tersebut, dia akan mendapatkan halangan pada destinasi yang ditujuinya. Kadang-kadang dia akan tersesat jalan dan kadang-kadang dia akan dirompak barangannya.

Begitulah juga keadaannya bagi seorang salikin tariqah yang ingin merintis jalan Usul Ilallah. Seorang salik yang tidak menjaga adab-adab ini kadang-kadang dia menghabiskan seluruh hidupnya di dalam merintis jalan ini dan kadang-kadang dia akan ternafi daripada nikmat iman dan amal disebabkan termakan godaan nafsu dan syaitan. Maka, tuntutan sikap hati-hatinya adalah seorang salikin yang ingin sampai kepada manzilnya mestilah menjaga keseluruhan adab yang telah ditetapkan oleh wasilin dan muqarrabin yang telah terhasil musyahadah daripada Allah Rabbul Izzah.

“Di dalam jalan kerinduan dan niazi, raikanlah adab dengan bersungguh-sungguh kerana

Telah berkata oleh masyaikh bahawa tariqah kesuluruhannya adalah menjaga adab”

(28)

ADABUL MURSYID

Di bawah ini akan diterangkan beberapa adab dengan mursyid yang mana amat penting bagi setiap salik untuk mendisiplinkan diri. Sebanyak mana seorang salik meriyatkan adab ini dalam kehidupannya, sebanyak itulah dia akan mencapai kemajuan (kerohanian).

Adab-adab ini dinukilkhan daripada Hazrat Khawajah Abdul Malik Siddiqi Rahmatullahi alaihi.

1. Janganlah memandang kepada kedudukan zahir seorang mursyid dari segi kaumnya, kedudukannya, pekerjaannya dan selain itu. Janganlah memandang rendah kepadanya. Tetapi, hendaklah memandang kepada nikmat dan fayaz yang Allah Taala kurniakan kepada mursyid dan menganggap perkara tersebut sebagai wasilah untuk mendapat makrifat Allah, lalu mengambil faedah daripada bersahabat dengan mursyid dengan kebenaran dan keyakinan yang sempurna.
2. Hendaklah menganggap segala manfaat rohani yang diperolehi adalah paling banyak diperolehi dari perantaraan Syeikh dan hendaklah yakin bahawa pengislahan batin dan penghasilan makrifat dengan perantaraan mursyid akan terhasil dengan mudah. Sekiranya kita memberi penumpuan kepada benda yang lain, maka kita akan terlepas daripada fayaz dan keberkatan.
3. Hendaklah sentiasa taat dan tidak menderhakai mursyid mengenai semua perkara. Ini kerana tanpa aqidah dan mahabbat daripada mursyid, kerisauan fayaz tidak akan terbuka. Tuntutan mahabbat adalah dengan ketaatan dan khidmat.
4. Hendaklah berkhidmat kepada mursyid dengan harta dan diri berkadar dengan kemampuan. Jangan merasakan mursyid terhutang budi kepada kita. Sebaliknya kitalah yang merasa bahawa kita yang terhutang budi kepada mursyid kerana beliau memberi kemuliaan dengan menerima khidmat kita. Janganlah membuat sebarang tuntutan kepada mursyid malah setiap khidmat yang dibuat

(29)

hendaklah dengan perasaan tulus dan ikhlas (ilahiat) supaya akan terhasil kesempurnaan iman.

5. Hendaklah segera menyempurnakan segala perintah mursyid dan janganlah membuat sebarang perlakuan tanpa kebenarannya. Ini kerana, kadang-kadang mursyid melakukan sesuatu bersesuaian dengan hal dan maqam dirinya mana murid akan mendapat mudharat disebabkan tidak mempunyai kemampuan untuk mengikuti amalan-amalan itu. Namun boleh mengikuti setiap (Qaul) perkataan Mursyid supaya terhasil kesinambungan dan muhabbah dengan Mursyid.samalan.
6. Hendaklah sentiasa bertawajuh kepada mursyid ketika kehadirannya. Janganlah melakukan solat nafil atau sebarang wazifah

lain tanpa kebenarannya kecuali solat fardhu dan sunat malah hendaklah merasakan nilai daripada kesan bersahabat dengan mursyid supaya pandangan kasih saying syeikh terhasil kepadanya dan supaya dia mendapat bahagian daripada fayaz batin syeikh. Masyaikh Naqsyabandi rahmatullahi alaih berkata,: ketika kahadiran syeikh, hendaklah menggantikan wuquf qalbi kepada rabitah qalbi (meneruskan ikatan dengan hati syeikh).

7. Hendaklah sentiasa duduk dengan senyap dan dengan penuh rendah hati serta meriyatkan adab-adab ketika bersuhbah dengan syeikh dan hendaklah memdengar perkataan syeikh dengan penuh tumpuan. Jangan menoleh kesana kesini dan jangan bercakap sesama sendiri tanpa kebenaran daripada syeikh. Diperbolehkan bercakap dengan syeikh menggunakan perkataan yang ringkas jika perlu dan hendaklah menantikan jawapan daripada syeikh dengan penuh tumpuan. Percakapan hendaklah dibuat dengan perlahan dan dengan lembut. Jangan meninggikan suara melebihi suara syeikh. Jangan mengucapkan sesuatu yang mendatangkan kelukaan hati Syeikh.
8. Janganlah melebihkan diri sendiri ketika duduk dalam majlis syeikh dan hendaklah menzahirkan diri dengan penuh kehendak dan berhajat serta menzahirkan kehinaan diri.
9. Jangan duduk di atas tempat duduk syeikh dan jangan memijak di atas sejadah sembahyang syeikh.

(30)

- 10.Jangan makan dan minum di hadapan syeikh tanpa ijazat daripada syeikh dan jangan berwudhuk dan menggunakan sebarang bekas syeikh tanpa ijazahnya. Sepertimana adab yang kita tunjukkan di depan lehadhiran Syeikh, begitulah adab yang perlu dizahirkan di belakang Syeikh supaya kita mendapat sifat Ikhlas.
- 11.Jangan melunjurkan kaki kearah tempat duduk syeikh dan jangan meludah kearahnya.
- 12.Jangan memijak di atas bayang-bayang syeikh dan seboleh mungkin jangan berdiri di suatu kawasan yang yang boleh bertembung bayang-bayang salik dengan bayang-bayang Syeikh mahupun pakaian Syeikh.

- 13.Jangan berjalan mendahului syeikh dan jangan berasa malu berjalan di belakang syeikh malah hendaklah merasa bertuah.
- 14.Apabila syeikh berdiri, salik juga hendaklah berdiri dan hendaklah duduk selepas syeikh duduk.
15. Samakan kaifiat diri samada di depan kehadiran Syeikh atau di belakang Syeikh. Kekalkan zahir dan batin dalam keadaan yang sama iaitu tiada apa-apa perbezaan antara hati dan lidah kita.
- 16.Jangan membantah kesemua aqwal (perkataan) dan af`al (perbuatan) syeikh dan jangan menimbulkan sebarang syak wasangka di dalam hati. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang tidak dapat difahami, maka mendaklah mengingati kisah Nabi Musa Alaihi salam dan Nabi Khidir Alaihi salam.
- 17.Jangan terasa hati apabila terkena sergahan dan kekerasan daripada syeikh dan jangan cuba bersangka buruk. Ini kerana kekerasan daripada syeikh akan mencahayakan salik.
- 18.Sekiranya berlalu sebarang syubhah di dalam hati maka hendaklah bertanya dengan cara yang sesuai dan sekiranya syubhah masih belum hilang maka hendaklah menganggap itu adalah disebabkan kekurangan fahaman kita. Sekiranya syeikh tidak menjawab sesuatu maka anggaplah saya tidak layak untuk mendapat jawapan.
- 19.Jangan lakukan sebarang bentuk perbahasan, perbalahan dan selainnya. Jangan membantah sebarang perkataan syeikh walaupun yang haknya berada di sebelah salik malah hendaklah beriktikad bahawa kesalahan syeikh adalah lebih baik daripada kebenaran saya.

(31)

- 20.Jangan bercakap tentang keburukan syeikh dan jangan pula menceritakan keaiban orang lain.
- 21.Hendaklah menanamkan perasaan kasih sayang kepada ahli keluarga dan sanak saudara syeikh dan hendaklah merayatkan kawan-kawan dan pencinta syeikh serta sesama rakan sesalik. Hendaklah menjauhkan diri daripada bersangka buruk dan berkhilaf dengan mereka supaya terhasilnya istiqamah.
- 22.Hendaklah menceritakan ahwal batini (keadaan baik ataupun buruk) kepada mursyid. Ini kerana mursyid merupakan tabib rohani. Syeikh akan mengislah kita selepas diceritakan ahwal kepadanya. Janganlah

- berdiam diri dan sekadar bergantung kepada kekasyafan Syeikh tanpa menceritakan ahwal kepadanya.
23. Sekiranya mengalami sebarang mimpi, hendaklah menceritakannya kepada syeikh dan sekiranya kita mengetahui sebarang tadbir mengenai mimpi tersebut, hendaklah juga diceritakannya kepada syeikh.
24. Sebarang wazifah dan wirid yang diajar oleh mursyid hendaklah dijadikan sebagai amalan dan hendaklah meninggalkan selain itu apa-apa wazifah samada yang dimulakan secara sendiri ataupun yang diajar oleh orang lain kecuali amalan masnunah.
25. Jangan menyibukkan diri dalam menghabiskan wazifah dan sebagainya ketika duduk bersama syeikh. Sekiranya bacaan itu adalah lazim maka, hendaklah menyempurnakannya dengan menyembunyikannya daripada syeikh.
26. Sekiranya salik mendapat fayaz batini maka, hendaklah menganggap ianya datang daripada keberkatan mursyid. Sekiranya salik itu melihat dalam mimpi bahawa fayaz itu datang daripada perantaraan masyaikh yang lain maka, hendaklah dia menganggap bahawa itu merupakan latifah mursyid yang zahir dalam bentuk masyaikh tersebut.
27. Hendaklah menceritakan kalam mursyid di depan orang lain berkadar dengan kefahaman orang ramai. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang salik menyangkakan bahawa ianya di luar pemahaman orang awam, maka janganlah sesekali menceritakannya. Ini kerana sesetengah perkara hanyalah untuk golongan yang khas sahaja.
28. Jika sekiranya dikurniakan sebarang martabah atau kedudukan maka, hendaklah menerima untuk mengharap redha Allah. Jangan sesekali membayangkan khayalan dunia di dalam hati.
29. Jangan merujuk kepada syeikh yang lain dengan berniatkan baiat tanpa kebenaran mursyid supaya tidak terlepas daripada nikmat rohani silsilah kita.
30. Sekiranya mursyid meninggalkan dunia yang fana ini maka, hendaklah mendoakan maghfirah untuknya dan menghantarkan pahala kepadanya (ايصال الصواب) supaya hubungan kerohanian berterusan.

ADAB SESAMA SALIK

Salik hendaklah menyukai pada seseorang apa yang disukai dirinya. Inilah intipati kepada kesemua adab-adab. Secara terperincinya adalah seperti berikut :-

1. Salik hendaklah menyembunyikan sebarang keaiban dan kesalahan rakan sesalik.
2. Barangsiapa melihat keaiban saudaranya lalu meniatkan keburukan dari keaiban itu, maka keadaan batinnya akan menjadi gersang. Terdapat riwayat yang marfuk di dalam Tabrani Syarif “Barangsiapa yang mencari keaiban orang lain, maka Allah Taala akan mencari keburukannya maka dia akan dihina walaupun dia berada di tengah-tengah rumahnya.”

Hazrat Hassan Basri Rahmatullahi alaih berkata, : Demi Tuhan! Kami pernah melihat kumpulan jemaah yang mana mereka tidak mempunyai sebarang keaiban. Tetapi, setelah mereka terjebak di dalam menyiasat untuk mencari keaiban orang lain, maka Allah Taala juga telah menzahirkan keaiban mereka.

Hazrat Syeikh Ali Murdhai'e Rahmatullahi alaih berkata :- Sesiapa yang tidak menutup keaiban rakan sesalik, hakikatnya dia sedang menyingkap tirai keaiban dirinya.

Sayyid Ahmad Zahid Rahmatullahi alaih pernah berkata :- apabila kamu melihat seseorang membuat dosa secara sembunyi, maka tegurlah dia secara sembunyi. Sekiranya dosanya dibuat secara terbuka, maka nasihatilah dia secara terbuka.

3. Salik hendaklah menabur kebaikan dunia kepada rakan sesalik, akan tetapi yang lebih penting hendaklah menabur kebaikan agama kepadanya. Nabi Sallallahu alaihi wa salam bersabda:- **الدين النصيحة** (Bukhari Syarif). Agama adalah nama kepada membuat kebaikan.
4. Sekiranya seorang salik diberi taufiq untuk beribadah sepanjang malam, pun begitu jangan dia menganggap dirinya itu lebih afdhal daripada rakan sesaliknya yang hanya bangun pada waktu hampir sahur. Malah, hendaklah tidur rakannya itu adalah lebih afdhal daripada ibadahnya.
5. Adalah wajib bagi salik untuk menganggap dirinya lebih buruk daripada kesemua muslimin. Jika tidak demikian dia akan tergolong di kalangan mutakabirin. Sayyid Abdul Aziz Derini Rahmatullahi alaih berkata:- Salik hendaklah menganggap dirinya lebih buruk daripada keseluruhan makhluk.

6. Salik hendaklah mengutamakan saudaranya berbanding dirinya dan hendaklah menanggung kesusahan yang datang dari saudaranya.
7. Hazrat Imam Hussein Rahmatullahi alaih berkata:- di antara adab persaudaraan adalah berkhidmat kepada saudaranya kemudian hendaklah mengemukakan keuzuran di hadapan saudaranya bahawa sebanyak mana hak-hak saudaranya, dia masih tidak dapat ditunaikan.
8. Sekiranya salik tertinggal daripada sebarang majlis zikir, maka hendaklah dia mengalah dan mengecam dirinya di hadapan semua salik. Adab ini telah dimulakan oleh Hazrat Sufian Tsauri Rahmatullahi alaih daripada sekalian orang sezamannya.
9. Sayyid Ahmad Rifaei Rahmatullahi alaih berkata:- barangsiapa yang berbahas kerana ingin membela nafsunya, maka dia telah binasa.
10. Adalah perkara haq bagi salik untuk menjauhkan diri daripada perkara yang memberi peluang untuk ditorohmah dan daripada terjebak dalam pekerjaan yang keji.
11. Salik hendaklah mengajarkan adab dengan penuh kasih sayang kepada rakan sesalik, namun jangan menganggap dirinya lebih afdhal daripada rakannya.
12. Salik hendaklah berkhidmat kepada rakan sesalik dengan menggunakan diri dan harta. Telah datang dalam satu hadith:-

"وَاللَّهُ فِي عَوْنَ الْعَبْدُ مَا دَامَ الْعَبْدُ فِي عَوْنَ إِخْرَيْهِ"

Ertinya:- Allah dalam pertolongan hambanya selagi mana hamba itu dalam pertolongan saudaranya yang lain.

13. Sekiranya syeikh mengeluarkan mana-mana salik daripada satu majlis ataupun syeikh menyergahnya, maka janganlah kita terperangkap di dalam umpatan kepada mereka yang dikeluarkan tadi. Mungkin pandangan Allah Taala lebih buruk kepada orang yang mengumpat daripada orang yang dikeluarkan tadi.
14. Salik hendaklah berkhidmat kepada orang yang lemah, ma'zur dan orang-orang tua di kalangan jemaah. Hazrat Sayyid Ali Khawwas Rahmatullahi alaih berkata:- barangsiapa yang mahukan rahmat turun keatasnya maka hendaklah dia menolong orang yang lemah dan anggaplah ini kemuliaanku (**هَذَا شَرْفِي**).
15. Sayyid Ali Khawwas Rahmatullahi alaih berkata:- jika seseorang menzalimi kamu maka hendaklah kamu memaafkannya dan jangan berkata bahawa syariat memberi kebenaran untuk aku membala sama dengan kezaliman. Banyak sekali perkara yang syariat benarkannya, akan tetapi meninggalkannya adalah lebih afdhal.

- 16.Sayyid Ali Khawwas Rahmatullahi alaih berkata:- apabila saudara kamu dating untuk menjumpai kamu, maka hendaklah kamu berdiri menyambutnya dengan penuh ikram.
- 17.Sekiranya salik marah terhadap rakan sesaliknya, maka janganlah membiarkan kemarahan itu melebihi tiga hari. Kemudian sekiranya salik memberi salam dengan niat untuk memulakan percakapan maka, yang demikian itu adalah bagus dan sekiranya dia menjawab salam maka Alhamdulillah. Jika tidak, jangan menuduhnya kerana dosa kemarahan dan tidak bercakap itu akan terkena keatsnya.
- 18.Salik hendaklah cuba membala budi yang diberi oleh rakan sesaliknya sedaya mungkin
- 19.Salik mestilah jangan lupa untuk mendoakan rakan sesaliknya di dalam doanya mengikut daripada hadith Nabi Sallahu alaihi wa salam bahawa seorang malaikat akan berkata kepada si pendoa:- "وَلَكَ مِثْلُ ذَلِكَ" ertiinya:- untuk kamu juga seumpama demikian. Perlu diingat bahawa doa malaikat tidak akan ditolak.
- 20.Imam Syafie Rahmatullahi alaih berkata: Janganlah kamu berkurang dalam menunaikan hak-hak saudara kamu hanya bergantung kepada akhlak yang baik saudara kamu yang tidak menuntut haknya.
- 21.Salik hendaklah apabila saudaranya memerlukan pertolongannya di dalam keadaan musibahnya maka janganlah sesekali bakhil untuk memberi kepadanya walaupun memberikan jubah atau selipar yang lebih atau selainnya.
- 22.Salik mestilah bercakap dengan rakan sesaliknya dengan kalam yang manis. Sekiranya bercakap dengan perkataan yang buruk maka dia akan tersisih. Telah datang dalam satu hadis Nabi SAW :-

شَرُّ النَّاسِ مِنْ تَرَكَهُ النَّاسُ أَنْقَاءُ فَحْشَهُ .23

Orang yang terburuk adalah orang yang kerana takutkan keburukannya, manusia meninggalkan dirinya. Sayyid Ali Khawas R.A berkata bahawa berhati-hati di dalam percakapan adalah lebih penting daripada berhati-hati dalam makanan dan pakaian.

23. Salik mestilah bencikan kepada dosa dan tidak membenci kepada si pembuat dosa. Nabi SAW bersabda berkaitan dengan bawang :-

انها شجرة اكره ريحها

"lanya adalah satu tumbuhan yang mana aku tidak menyukai baunya".

Akan tetapi tidak pernah baginda SAW menzahirkan perasaan ketidaksukaanya kepada bawang tersebut.

24. Salik mestilah mengutamakan untuk menunuaikan hajat dan keperluan rakan sesalik lebih daripada melakukan ibadah nafil.

25. Hazrat Abu Sulaiman Darani R.A berkata bahawa orang yang cepat mendapat kemajuan dalam tariqat ialah orang yang mana merasa mulia walaupun dia terpaksa membersihkan tandas rakan sesaliknya. Imam Ghazali R.A, Sayyid Ali Khawas R.A dan Syeikh Aminuddin R.A pernah melakukan khidmat ini pada zaman mereka masing-masing. Hazrat Maulana Ilyas R.A sentiasa membersihkan tandas ahli jemaah yang keluar dan bersyukur pada Allah kerana mendapat peluang yang mulia ini.

26. Salik mestilah membawa bersama semasa safar barang-barang seperti pisau, gunting dan sejадah supaya dapat berkhidmat kepada orang lain sekiranya perlu.

27. Sekiranya salik dengan tidak sengaja berkurang adab dengan rakan sesaliknya, maka adalah hak baginya untuk meminta maaf kepada rakannya dengan penuh tawaduk dan rendah diri. Setiap rakan sesalik adalah tanda kepada mursyid lalu adalah tidak betul melakukan perkara yang kurang adab kepadanya.

28. Agar rakannya datang untuk meminta maaf terhadap kesalahan yang pernah dilakukannya maka hendaklah memaafkannya. Telah datang satu riwyat dalam Tirmizi Syarif :-

من اتاه اخوه متصلا من ذنب فليقل ذلك محق كان او مبطل فان لم يقبل لم يرد الحوض

“Barangsiapa yang saudaranya datang kepadanya untuk meminta maaf terhadap kesalahannya maka hendaklah menerima keuzurannya samada saudaranya itu benar atau dusta. Sekiranya tidak menerima keuzurannya, maka janganlah datang di telagaku (kausar) ”.

29. Salik mestilah jangan hasad kepada rakan sesaliknya yang lebih maju darinya dari segi kedudukan ataupun ketaatan.

30. Salik mestilah jangan merasa dirinya lebih afodal daripada saudaranya dari jemaah tariqat yang lain kerana dia juga merupakan saudaranya di dalam tariqat.

ADAB TARIQAH

Talib Sadiq (penuntut yang benar) hendaklah sentiasa menjaga adab-adab tariqah.

1. Salik mestilah memisahkan diri untuk bersohbah (bergaul) dengan orang ramai dan dengan hubungan dunia serta hendaklah sentiasa sibuk dengan zikir ilahi beserta ikhlas – ianya bukan bermaksud kita mengamalkan rahbaniah. Akan tetapi (dast bekar dil beyar).
2. Salik hendaklah sentiasa menjauhkan diri daripada majlis orang ramai dengan berniatkan bahawa aku ingin mengelakkan orang ramai daripada keburukan dan kejahatan diriku. Jangan sesekali berfikir bahawa aku adalah yang paling baik dan orang ramai adalah yang buruk dan sekiranya kita menganggap begini maka kita akan tertolak.
3. Salik hendaklah meniatkan daripada jalan suluk ini semata-mata untuk menghasilkan redha Ilahi. Sekiranya berniat untuk menjadi syeikh atau ketua maka, kita terperangkap di dalam kesyirikan dan akan mendapat kehancuran.
4. Sekiranya salik tidak berjaya pada mana-mana maqam, maka janganlah berputus asa dan hendaklah menganggap yang demikian itu adalah disebabkan masih terdapat kekurangan dalam diri.
5. Sekiranya salik mempunyai banyak harta melebihi hajat sendiri, maka bahagi-bahagikanlah di kalangan faqir miskin untuk mendapat kejayaan akhirat.
6. Salik hendaklah meninggalkan makanan dan minuman yang lazat dan hendaklah sentiasa menginginkan kelazatan dalam berzikir.
7. Salik mestilah jangan bangga dengan keluasan hidup yang dikurniakan dan bersedih dengan kesempitan hidup, malah hendaklah redha dengan ketentuan Ilahi.
8. Salik janganlah melihat (aslaf) dengan pandangan rendah dan lekeh.
9. Salik mestilah mengelakkan diri daripada bentuk muzik, televisyen dan selainnya dan sentiasa berkeinginan untuk mendapatkan kelazatan membaca Al-Quran Majid.

10. Salik janganlah terpedaya dengan puji orang ramai dan kata-kata yang baik, malah mestilah menganggap itu adalah satu bentuk ujian.
11. Salik hendaklah menganggap diri adalah yang paling rendah dan paling hina daripada sekalian makhluk kerana tiada siapa yang mengetahui akan kebaikan batin yang ada pada makhluk.
12. Sekiranya salik terbuat perkara yang tidak sepatutnya (khilaf adab) maka, hendaklah berhenti daripada kesedapannya dan letakkan diri dalam kesusahan dan mujahadah.
13. Salik hendaklah mengelakkan diri menjadi penyampai untuk memberitahu tentang ahwal semasa dan berita-berita dunia kerana dengannya hati akan menjadi berbelah bahagi dan akan memesongkan hati daripada maksud asal.
14. Salik hendaklah melihat kemuliaan diri sendiri dengan penuh tawaduk dan merendah diri dan menganggap kecelakaan zahir itu adalah kemajuan batinnya. Syair:

Memotong-motong kain jahitan kemudian menjadikannya sebuah pakaian yang cantik, tiada orang yang akan mencelanya malah orang akan memandangnya sebagai seorang yang menghargai.
15. Sekiranya salik dizalimi jangan fikir untuk membalaunya, malah hendaklah bersabar dan serahkan perkara itu kepada Allah. Nabi Sallallahu alaihi wa salam pun dilempar dengan batu oleh kaum kuffar, namun Baginda mendoakan kebaikan untuk mereka.
16. Salik mestilah makan apabila terasa lapar dan tidur apabila terasa mengantuk dan janganlah makan dan tidur seperti adat kebiasaan kita.
17. Salik mestilah berzikir dengan banyak dan jangan merajakan nafsu.
18. Salik mestilah jangan memuji akan ibadat dan kebaikan dirinya, malah jangan timbul dalam hatinya perasaan suka sekalipun terhadap ibadah yang dibuat.
19. Salik janganlah mengharapkan karamah dan sekiranya berlaku sekalipun karamah dalam diri, maka hendaklah menganggap ianya satu keaiban dan mestilah sedaya-upaya menyembunyikannya dan anggap itu adalah ujian.
20. Salik mestilah angan bercampur gaul dengan ahli dunia. Sebaliknya hendaklah brgaul dengan golongan fuqaro`.
21. Salik hendaklah sentiasa mengingati mati kerana dengannya akan memutuskan hubungan kita dengan dunia.

- 22.Salik mestilah menganggap menghasilkan ilmu keperluan agama (fardhu ain) itu sebagai satu kelaziman dan menjauhkan diri daripada golongan jahil.
- 23.Salik mestilah tidak memandang kepada wanita ghair mahram dengan syahwat selain daripada isterinya sendiri.
- 24.Salik hendaklah sentiasa mencuba untuk menerapkan akhlak mahmudah ke dalam dirinya.
- 25.Salik mestilah menganggap rezeki yang halal dan percakapan yang benar itu sebagai kefardhuan dirinya. Syair:

Dengan rezeki yang halal akan menambahkan ilmu dan nikmat dan rezeki halal akan menghasilkan asyik dan kelembutan.

- 26.Salik mestilah tidak menzahirkan kesusahan hidupnya semampu mungkin walaupun kepada seorang kawan yang mukhlis.
- 27.Salik mestilah jangan mengkhianati amanat yang diberikan dan menjauhkan diri dari sifat munafiq. Jangan secara zahir sahaja tampak seperti wali Allah tetapi musuh Allah pada batinnya.
- 28.Salik mestilah jangan memandang kepada kebaikan diri sendiri dan juga pada keburukan orang lain.

TAFSILAN AMALAN HARIAN

1.) Wuquf Qalbi

Setiap saat dan setiap detik, tawajuh hati kita hanya kepada Allah :-

دست بکار دل بیار

Terjemah :- Tangan sibuk membuat pekerjaan, hati sibuk mengingati llah. Firman Allah SWT :-

فازکروا اللہ قیاما و قعودا و علی جنوبکم

An-Nisa : 203

2.) Muraqabah

Hendaklah melakukannya sebanyak 2 kali dalam setiap hari selama setengah jam iaitu duduk dengan penuh tumpuan pada Allah dan kosongkan hati daripada dunia dan seisinya serta menggambarkan yang rahmat Allah sedang turun dan sedang memasuki hatiku serta sedang membersihkan kegelapan dan kekotoran hatiku dan sebagai syukurnya hatiku mengucapkan Allah,Allah,Allah. Firman Allah SWT :-

وادکر ربک فی نفسک تصرعا و خیفة

A'raf : 205

3.) Tilawat Quran Majid

Baca satu juz setiap hari. Firman Allah SWT :-

فاقرءوا ما تیسر من القرآن

Muzammil : 20 يا

4.) Istighfar

Istighfar sebanyak 200 kali setiap hari.

استغفِرُ اللَّهُ رَبِّيْ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ وَ اتُوْبُ إِلَيْهِ

Firman Allah SWT :-

اسْتَغْفِرُوكُمْ ثُمَّ تُوْبُوا إِلَيْهِ

Hud : 52

Selawat

Selawat sebanyak 200 kali setiap hari.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلَى أَلِّيْهِ وَ بَارِكْ وَ سَلِّمْ

Firman Allah SWT :-

بِأَيْمَانِ الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَاتُ اللَّهِ وَ سَلَامُهُ تَسْلِيمًا

Al-Ahzab : 52

6.) Rabtah Syeikh

Sentiasa membuat hubungan dengan Syeikh dengan menghantar surat atau melalui telefon dan sekiranya mampu, hendaklah menghabiskan masa bersama Syeikh. Firman Allah SWT :-

اتَّقُوا اللَّهَ وَ كُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ

1. Rahmatul lil Alamin Hazrat Nabi Karim Sallallahu alaihi wa salam	21. Hazrat Khawajah Muhammad Zahid Rahmatullahi alaih
2. Sayyidina Abu Bakar Siddiq Radiallahu anhu	22. Hazrat Khawajah Darwish Muhammad Rahmatullahi alaih
3. Hazrat Salman Farisi Radiallahu anhu	23. Hazrat Khawajah Amkangi Rahmatullahi alaih
4. Hazrat Qasim bin Muhammad bin Abu Bakar Rahmatullahi alaih	24. Hazrat Khawajah Muhammad Baqi Billah Rahmatullahi alaih
5. Hazrat Imam Jaafar Sadiq Rahmatullahi alaih	25. Hazrat Khawajah Mujaddid Alfi Sani Rahmatullahi alaih
6. Hazrat Khawajah Ba Yazid Bustami Rahmatullahi alaih	26. Hazrat Khawajah Muhammad Ma'soom Rahmatullahi alaih
7. Hazrat Khawajah Abul Hassan Kharkhani Rahmatullahi alaih	27. Hazrat Khawajah Saifuddin Rahmatullahi alaih
8. Hazrat Khawajah Abul Qasim Gurgani Rahmatullahi alaih	28. Hazrat Khawajah Hafiz Muhammad Muhsin Rahmatullahi alaih
9. Hazrat Abu Ali Farmadi Rahmatullahi alaih	29. Hazrat Khawajah Sayyid Nur Muhammad Badayuni Rahmatullahi alaih
10. Hazrat Khawajah Yusuf Hamdani Rahmatullahi alaih	30. Hazrat Khawajah Mazhar Jaan Jana Rahmatullahi alaih
11. Hazrat Khawajah Abdul Khaliq Ghajdwani Rahmatullahi alaih	31. Hazrat Khawajah Ghulam Ali Mujaddidi Rahmatullahi alaih
12. Hazrat Khawajah Muhammad 'Arif Dyugri Rahmatullahi alaih	32. Hazrat Khawajah Syah Abu Said Rahmatullahi alaih
13. Hazrat Khawajah Mahmud Injir Faghnavi Rahmatullahi alaih	33. Hazrat Khawajah Syah Ahmad Said Dehlawi Rahmatullahi alaih
14. Hazrat Khawajah Azizan Ali Ramitni Rahmatullahi alaih	34. Hazrat Haji Dost Muhammad Pandahari Rahmatullahi alaih
15. Hazrat Khawajah Baba Samasi Rahmatullahi alaih	35. Hazrat Khawajah Muhammad Uthman Damani Rahmatullahi alaih
16. Hazrat Khawajah Sayyid Mir Kulal Rahmatullahi alaih	36. Hazrat Khawajah Sirajuddin Rahmatullahi alaih
17. Hazrat Khawajah Bahauddin Naqsyabandi Bukhari	37. Hazrat Khawajah Muhammad Fadhal Ali Quraisyi Rahmatullahi alaih
18. Hazrat Khawajah Alauddin 'Attar Rahmatullahi alaih	38. Hazrat Khawajah Muhammad Abdul Malik Siddiqi Rahmatullahi alaih
19. Hazrat Khawajah Yaakob Charkhi Rahmatullahi alaih	39. Mursyid Alam Hazrat Khawajah Ghulam Habib Rahmatullahi alaih
20. Hazrat Khawajah Abdullah Ahrar Rahmatullahi alaih	40. Hazrat Pir Hafiz ZulFiqar Ahmad Naqsyabandi Mujaddidi

